



04 JUL, 2022

MD2 dapat permintaan tinggi di Eropah

Harian Metro, Malaysia

Page 1 of 2

MD2 dapat permintaan tinggi di Eropah

Segamat: Johor menyasarkan untuk kekal sebagai pengeluar utama hasil pertanian di negara ini dalam masa lima tahun akan datang selepas mencatatkan jumlah pengeluaran sebanyak 736,178 tan metrik pada tahun lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar negeri, Datuk Zahari Sarip (*gambar*) berkata, sasaran peningkatan hasil pertanian itu membabitkan buah-buahan sebanyak 34 peratus dan 32 peratus bagi sayur-sayuran berikutan pembukaan kawasan ba-

haru pertanian di negeri ini seluas 1,214 hektar.

Katanya, pada 2021 jumlah pengeluaran buah-bua-



han di negeri itu adalah 569,004 tan metrik manakala sayur-sayuran 167,174 tan metrik.

“Antara hasil pertanian utama dikeluarkan oleh Johor adalah nanas, durian, pisang, betik dan tembikai, selain cili, bendi dan halia bagi sayur-sayuran, yang bukan sahaja untuk pasaran tempatan malah akan dieksport,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Karnival Agro Johor di Dataran Bandar Segamat di sini yang turut dihadiri Timbalan Pengarah Operasi Lembaga Pemasaran Pertanian Per-

sekutuan (Fama) Johor, Azizi Azimi Mat Nayan.

Mengulas mengenai eksport hasil pertanian Johor, Zahari berkata, nanas terutama jenis MD2 kini mendapat permintaan tinggi di Eropah.

“Eksport buah berkenaan semakin meningkat dan setiap minggu kita menerima tempahan sekitar 1,000 kontena yang akan diletakkan di hab pengedaran di Jerman untuk pasaran Eropah selain turut mendapat permintaan tinggi di Timur Tengah seperti Turki dan beberapa negara Arab lain,” katanya.



04 JUL, 2022

MD2 dapat permintaan tinggi di Eropah

Harian Metro, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Segamat: Johor menyasarkan untuk kekal sebagai pengeluar utama hasil pertanian di negara ini dalam masa lima tahun akan datang selepas m e n c a t a k a n jumlah pengeluaran sebanyak 736,178 tan metrik pada tahun lalu.